



### NOTA PANDUAN MENGISI BORANG CKHT3

| Bil | Ruangan                     | Catatan   |
|-----|-----------------------------|---|
| 1   | Nama Pulupus                | <p>Nama pelupus yang lengkap.(Rujuk kepada dokumen pelupusan). Pelupus terdiri daripada</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pelupus; atau</li><li>Wasi; atau</li><li>Pentadbir Harta Pusaka; atau</li><li>Nomini; atau</li><li>Pemegang Amanah.</li></ol> <p><b>Kes nomini</b></p> <p>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah). Oleh itu nama pelupus adalah nama A (bertindak sebagai nomini).</p> |
| 2   | No Rujukan                  | Isikan No Kad Pengenalan / No Polis / No Tentera / No Passport / No Pendaftaran bagi pelupus.   |
| 3   | No Cukai Pendapatan         | Isikan No Cukai Pendapatan bagi pelupus   |
| 4   | Maklumat harta tanah / syer | Tarikh pemerolehan aset.<br>(Rujuk kepada dokumen pemerolehan)  |
| 5   | Nama Pelupus                | Isikan maklumat harta tanah / syer dalam syarikat harta tanah yang dilupus  |
| 6   | Nama Pemeroleh              | <p>Nama pemeroleh yang lengkap.(Rujuk kepada dokumen pelupusan). Pelupus terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pemeroleh; atau</li><li>Wasi; atau</li><li>Pentadbir Harta Pusaka; atau</li><li>Nomini; atau</li><li>Pemegang Amanah.</li></ol> <p><b>Kes nomini</b></p> <p>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemeroleh). Oleh itu nama ppemeroleh adalah nama A (bertindak sebagai nomini).</p>   |

|    |  |  |
|----|--|--|
| 7  | Harta tanah syer lebih 5 tahun                                   | Rujuk kepada bukti pemerolehan dan pelupus yang dikemukakan bersama di dalam CKHT1A.   |
|    | Pengecualian cukai rumah kediaman (Seksyen 8)                    | <p>Pelupus belum pernah membuat permohonan pengecualian kediaman di bawah Perenggan 9 Jadual 3 sebelum ini.</p> <p>Permohonan berkenaan dibuat semasa pengemukaan Borang CKHT1A bagi harta tanah yang dilupuskan.</p>  |
|    | Kes kerugian termasuk kes rugi lelongan awam                     | Kerugian adalah merujuk kepada harga pelupusan di bawah harga belian (seksyen 7(1)(b) ACKHT 1976 daripada transaksi selengan.  |
|    | Pelupusan aset di bawah perintah pengecualian yang berkuatkuasa. | <p>Pelupusan aset yang tertakhluk kepada perintah pengecualian yang berkuatkuasa.</p> <p>Rujuk dan nyatakan nombor perintah pengecualian yang berkaitan.</p>   |
| 8  | Tandatangan  | <p>Pelupus perlu menandatangani borang ini.</p> <p>Kes Nomini, jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah). Akuan perlu ditandatangani oleh A (bertindak sebagai nomini).</p> <p>Kes pelupusan secara lelongan, perenggan 29 Jadual 2 ACKHT 1976, membolehkan bank menandatangani perakuan bagi pihak pelupus. Kegagalan menandatangani ruangan ini, membolehkan borang dianggap sebagai tidak lengkap.</p> <p>Borang CKHT3 perlulah dikemukakan bersama-sama borang CKHT1A/1B dan CKHT2A dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.</p> |
| 10 | Tarikh   | Tarikh Akuan ini ditandatangani.   |